

Sistem Perlindungan Patuh Syariah PIDM

Bahagian 5: Sistem Perlindungan Manfaat Takaful PIDM

Jumaat, 27 Ogos 2021

Seperti yang dikongsikan dalam [Bahagian 1](#) siri ini, PIDM ditubuhkan pada tahun 2005 dengan mandat melindungi pendeposit di Malaysia daripada kehilangan deposit mereka sekiranya sesebuah bank ahli PIDM gagal, atau dalam kata lain, menjadi muflis. Pada akhir tahun 2010, mandat PIDM diperluaskan dengan mencakupi pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, PIDM menyediakan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans daripada kehilangan manfaat takaful atau insurans mereka yang layak sekiranya sesebuah ahli penginsurans (iaitu, sebuah pengendali takaful atau syarikat insurans) mengalami kegagalan dan tidak dapat memenuhi obligasinya untuk membayar manfaat takaful atau insurans.

Manfaat takaful adalah manfaat yang akan diterima oleh pemilik atau benefisiari sijil takaful daripada pengendali takaful apabila berlakunya peristiwa tertentu (seperti tuntutan, kematangan atau serahan sijil takaful), tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Manfaat ini bersama-sama dengan terma dan syarat, dinyatakan dalam perjanjian takaful yang ditandatangani antara pemilik sijil dan pengendali takaful.

Perlindungan manfaat takaful ditadbir oleh PIDM di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful (SPMT), yang beroperasi bersama-sama dengan Sistem Perlindungan Manfaat Insurans. Apabila sesebuah pengendali takaful mengalami kegagalan, PIDM akan memastikan pemilik atau benefisiari sijil takaful yang dilindungi akan terus mempunyai akses kepada manfaat takaful mereka.


Sebagai contoh, katakanlah Lisa membuat tuntutan kepada pengendali takaful selepas terlibat dalam satu kemalangan kereta. Sementara menunggu tuntutan beliau dibayar, pengendali takaful tersebut menjadi muflis. Dalam situasi ini, sekiranya tuntutan beliau adalah manfaat yang layak di bawah SPMT, Lisa tidak perlu bimbang kerana beliau akan terus mempunyai akses kepada manfaat takaful beliau.

Di Malaysia, semua manfaat takaful di bawah sijil takaful keluarga dan am dilindungi oleh PIDM sehingga RM500,000, dengan pengecualian terhadap manfaat kematangan, serahan dan pendapatan yang dibayar daripada bahagian unit pelan atau sijil takaful berkaitan pelaburan. Perlu diberi perhatian bahawa PIDM **TIDAK** melindungi sijil takaful dalam mata wang asing dan sijil takaful yang tidak dikeluarkan oleh pengendali takaful di Malaysia. Maklumat lanjut mengenai manfaat takaful yang layak dan had perlindungan boleh didapatkan [di sini](#).

SPMT ditadbir oleh PIDM berlandaskan keperluan Syariah, mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS). MPS adalah pihak berkuasa tertinggi Syariah yang memberikan fatwa berhubung perkara berkaitan perbankan Islam dan takaful di Malaysia.

Pentadbiran SPMT adalah bersaskan kepada konsep Syariah yang menggariskan, antara lainnya, terma-terma perlindungan manfaat takaful, peranan setiap pihak, dan bagaimana perlindungan akan dilaksanakan. MPS telah memutuskan bahawa PIDM boleh mengguna pakai konsep Syariah "fi dan jaminan" (atau *ujr wal kafalah* dalam Bahasa Arab) bagi SPMT yang berfungsi seperti berikut:

- ◆ Pengendali takaful membayar fi kepada PIDM bagi perkhidmatan mentadbir SPMT. Di bawah SPMT, pengendali takaful tidak membayar fi kepada PIDM bagi komitmen perlindungan. Ini kerana pengendali takaful tidak mempunyai obligasi kewangan kepada pemilik sijil. Di bawah kontrak takaful antara pengendali takaful dan pemilik sijil, obligasi kewangan terhadap pemilik sijil takaful adalah ditanggung oleh dana risiko takaful yang mana dana ini menerima sumbangan daripada pemilik sijil.
- ◆ Fi yang diterima oleh PIDM daripada pengendali takaful dikumpulkan dalam Kumpulan Dana Perlindungan Takaful PIDM bagi jaminan manfaat takaful. Di bawah konsep Syariah yang diguna pakai, dana itu dimiliki oleh PIDM.
- ◆ Apabila sesebuah pengendali takaful gagal, komitmen jaminan akan berkuat kuasa dan PIDM akan memastikan pemilik atau benefisiari sijil takaful yang dilindungi akan terus mempunyai akses kepada manfaat takaful mereka.



Untuk PIDM mentadbir SPMT, pengendali takaful membayar levi tahunan kepada PIDM. Pemilik sijil takaful adalah benefisiari dan tidak perlu membuat sebarang pembayaran kepada PIDM bagi perlindungan manfaat takaful yang layak. Pengendali takaful tidak dibenarkan mengenakan sebarang fi kepada pemilik sijil takaful bagi perlindungan ini.

Levi yang perlu dibayar kepada PIDM bergantung kepada liabiliti penilaian pengendali takaful (bagi perniagaan takaful keluarga) atau sumbangan bersih (bagi perniagaan takaful am) dan profil risiko. Objektif pengambiliraan profil risiko pengendali takaful dalam penentuan levi adalah untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko mampan. Lebih tinggi profil risiko maka lebih tinggi kadar levinya, yang seterusnya mendorong pengendali takaful untuk menyasarkan profil risiko yang lebih rendah.

Levi yang diterima oleh PIDM daripada pengendali takaful am disalurkan ke Dana Perlindungan Takaful Am, manakala levi yang diterima daripada pengendali takaful keluarga disalurkan ke Dana Perlindungan Takaful Keluarga. Dana ini ditadbir secara berasingan daripada Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am dan Hayat serta Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional. Oleh itu, PIDM mentadbir enam (6) dana secara berasingan.

Apabila sesebuah pengendali takaful mengalami kegagalan, PIDM akan melindungi manfaat takaful yang layak dengan menggunakan dana perlindungan takaful yang berkenaan. Apabila dana itu tidak mencukupi, PIDM boleh mendapatkan dana daripada sumber luaran iaitu daripada pasaran atau Kerajaan.

Bagi operasi hariannya, PIDM menggunakan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful untuk membayar perbelanjaan, termasuk perbelanjaan berkaitan dengan pembangunan modal insan dan infrastruktur yang perlu untuk bersiap sedia bagi melaksanakan resolusi terhadap sesebuah pengendali takaful yang gagal, serta menggalakkan kesedaran awam mengenai SPMT. Sebarang lebihan daripada kumpulan dana itu dilaburkan atau disalurkan dalam instrumen patuh Syariah.

Jadi anda mungkin bertanya, bagaimana pula dengan tadbir urus Syariah PIDM?

Kami akan berkongsi pandangan mengenai perkara ini dalam bahagian terakhir siri ini, iaitu Bahagian 6.